



AGENCI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA:

NO. SEBUT HARGA : APMM/PB/43/2026

TAJUK SEBUT HARGA : SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN ELEKTRIKAL DALAM UNIT KUARTERS BLOK B SEBANYAK 32 UNIT DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KUARTERS INSTITUT PERGURUAN (KIP) BALOK BAGI KEGUNAAN IBU PEJABAT MARITIM NEGERI (MN) PAHANG, APMM, BALOK, KUANTAN, PAHANG.

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB), dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), memegang Sijil Taraf Bumiputra (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:-

KOD BIDANG PENDAFTARAN	BUTIR-BUTIR TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH & MASA TUTUP SEBUT HARGA	TEMPAT SERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA
Gred G3 - G7 Kategori ME Mekanikal & Elektrikal, pengkhususan E04 (Pemasangan Voltan Rendah) Dan E11 (Kerja Am Elektrik) DAN Beralamat/Berdaftar di PAHANG sahaja dibenarkan menyertai kerja-kerja sebut harga ini.	Tempat Taklimat : Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Sg. Ular, Gebeng, 26100 KUANTAN, PAHANG. Tarikh : 26 Ogos 2026 Hari : Rabu Masa : 02.30 Petang Kehadiran WAJIB	<u>Tarikh Tutup Sebut Harga:</u> Tarikh : 04 September 2026 Hari : Jumaat Masa : Sebelum jam 12.00 PM Dokumen sebut harga yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan.	Peti Sebut Harga : Tingkat 7, Bahagian Pembangunan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, One IOI Square, IOI Resort, 62502 PUTRAJAYA Dokumen sebut harga dalam bentuk (Salinan cetak) yang telah diisi dengan lengkap perlu dihantar secara manual dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermetri dengan nombor sebut harga APMM/PB/43/2026

- Taklimat dan lawatan ke tapak projek adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua kontraktor yang berminat dengan kerja yang akan ditawarkan seperti di atas.
- Kebenaran khas adalah **tidak dibenarkan**.
- Kontraktor yang pernah melaksanakan kerja dengan APMM pada tahun 2025 tidak dibenarkan untuk menyertai sebut harga ini.
- Hanya **Penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan CIDB sahaja boleh menghadiri lawatan tapak dan taklimat Sebut Harga. Hanya kontraktor yang menyertai taklimat dan lawatan tapak sahaja layak untuk dipertimbangkan untuk diterima.
- Kontraktor dikehendaki membawa bersama sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih berkuatkuasa semasa pendaftaran dan lawatan tapak untuk sebut harga ini. Jika tempoh telah tamat pihak kontraktor tidak dibenarkan untuk menyertai sebut harga.
- Borang/Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi setelah penyebutharga berdaftar dengan Bahagian Pembangunan APMM dari tarikh **26 Ogos 2026 hingga 04 September 2026**.
- Kontraktor yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **AGENCI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA** sahaja yang **layak** untuk dipertimbangkan.

Tandatangan

Nama : **LAKSAMANA PERTAMA (M)
ZULINDA BINTI HAJI RAMLY**
Pegawai
Bahagian Pembangunan
Jawatan : **Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia**
Kementerian Dalam Negeri
Tarikh : **20.8.2026**